

By : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Venue : KOMPLEKS KRAF, JALAN CONLAY, KUALA LUMPUR
Date : 27-05-2006
Title : PERASMIAN GALERI KRAF MODERN MALAYSIAN FELDA
DAN PELANCARAN BUKU "MODERN MALAYSIAN: A TRIBUTE TO
FELDA'S CRAFTS PEOPLE"

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan selamat pagi.

YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor,
Pengerusi FELDA;

YBhg. Dato' Siti Azizah Sheikh Abod,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;

YBhg. Datuk Khamis Md. Som,
Pengarah Besar FELDA;

YBhg. Dato' Zakiah Ahmad,
Ketua Pengarah,
Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian.
2. Hari ini merupakan satu detik yang amat penting bagi saya kerana hasrat saya untuk melihat FELDA mengeluarkan produk kraf tangan yang bermutu kini tercapai. Justeru, saya ucapkan tahniah kepada FELDA kerana berjaya membawa pembangunan kraf tangan di negara ini ke tahap yang lebih tinggi dan mengagumkan.
3. Pencapaian ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk "meningkatkan pendapatan dan taraf hidup peneroka dan generasi baru FELDA." Ini jelas dinyatakan di RMK9 dan "dijangka seramai 9,390 usahawan baru akan diwujudkan dengan memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan."
4. Misi nasional ini tidak mustahil untuk dicapai memandangkan FELDA mempunyai keupayaan dan sumber untuk diterokai.
 - 4.1 Antara lain, FELDA mempunyai kedudukan kewangan (tunai) yang kukuh dan stabil.
 - 4.2 Bilangan tenaga pengurusan dan kakitangan yang ramai iaitu 3,227 (FELDA) di ibu pejabat dan rancangan manakala Kumpulan FELDA (termasuk FELDA Holdings dan anak-anak syarikatnya) keseluruhannya ialah 23,785 orang.
 - 4.3 Koperasi Permodalan FELDA dengan keteguhan sumber kewangannya boleh bertindak sebagai penjana aktiviti ekonomi dan perniagaan di kawasan rancangan.

4.4 Keluasan ladang dan kebun peneroka termasuk kawasan kampung ialah 853,313 hektar, keupayaan untuk mewujudkan pelbagai aktiviti perniagaan di pelbagai rantaian nilai.

4.5 Tenaga kerja yang ramai di kalangan warga peneroka (termasuk generasi kedua dan ketiga) di mana 70.6% berumur kurang dari 30 tahun.

4.6 Generasi peneroka mempunyai tahap pendidikan asas yang boleh digembleng dengan ilmu pengetahuan baru dalam pelbagai bidang. 66.7% warga peneroka mempunyai kelulusan SPM dan ke atas.

4.7 Pelaksanaan program sokongan seperti Program Kemahiran dan Vokasional, Program Tunas Mekar dan Program Usahawan Siswazah Tani dan Tabung Skim Insentif Usahawan FELDA akan menyediakan sumber tenaga terlatih dan sumber kewangan untuk aktiviti non-farm.

5. Sehingga April 2006, bilangan warga peneroka yang terlibat di dalam aktiviti non-farm mencatatkan jumlah penyertaan seramai 35,950 orang dengan peratus penglibatan sebanyak 34.26 peratus.

6. Penyertaan tertinggi ialah di dalam bidang perniagaan iaitu 39.94 peratus, ternakan 28.85 peratus, perusahaan 18.04 peratus dan 13.17 peratus aktiviti tanaman dan akuakultur. Jumlah jualan secara keseluruhan adalah RM158.1 juta. Manakala purata pendapatan bulanan secara keseluruhan untuk kesemua aktiviti adalah RM1,099.47.

7. Sehingga April 2006, perusahaan di bawah program Satu Wilayah Satu Industri (SAWARI) telah mencatat nilai jualan RM2.19 juta manakala nilai pengeluaran adalah RM2.54 juta. Dalam tempoh lima tahun akan datang, dijangka seramai 5,000 pekerja dari kalangan generasi peneroka akan terlibat dengan pengeluaran produk kraf sahaja.

8. Pada masa ini sahaja, produk-produk makanan kering dan makanan sejuk beku (frozen foods) dengan jenama F-Best Foods telah mula dipasarkan ke Singapura, Australia, Dubai, dalam bulan Jun ini produk ini akan turut dipasarkan di negeri China.

9. Pusat pengeluaran kraf SAWARI yang sedia ada beroperasi iaitu 11 buah akan dijadikan sebagai pusat pengeluaran dan pembekal kepada projek kraf Modern Malaysian. Sehingga April 2006, sebanyak 52 produk dan 266 item telah sedia untuk pengeluaran dan jualan.

10. Pada tahun 2006, sejumlah RM21 juta diperuntukkan untuk program meningkatkan pendapatan peneroka berbanding RM8.6 juta pada 2005, meningkat 144 peratus.

11. Produk kraf memang tidak dapat dinafikan mempunyai potensi pasaran yang amat besar. Pengeluaran produk kraf merupakan satu proses mengubah dan memberi makna serta nilai kepada produk yang dihasilkan. Kraf tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia.

12. Saya berbangga kerana FELDA akan mempunyai 20 pusat pengeluaran kraf dalam tempoh RMK9. Dalam tempoh lima tahun akan datang FELDA akan terus membuka outlet jualan di kawasan yang strategik. Di samping Galeri Kraf Modern Malaysian FELDA di Jalan Conlay ini, dua lagi Galeri akan dibuka di kawasan strategik menjelang akhir tahun 2006. Insha Allah, setahun dari tarikh hari ini, FELDA akan memasarkan produk kraf Modern Malaysianya di Harrods, London.

13. Saya ingin melihat bahawa pada satu ketika nanti program pembangunan kraf FELDA ini akan menjadi peneraju industri kraf kontemporari di Malaysia. Ia akan dilaksanakan secara komersil, mempunyai kualiti untuk dieksport dan menjadi punca pendapatan utama kepada mereka yang menceburinya. Dengan demikian, saya suka menegaskan FELDA harus mempunyai kualiti-kualiti seperti berikut: -

(a) tahap daya saing dan daya tahan produk kraf sama ada di pasaran tempatan begitu juga di pasaran antarabangsa.

(b) Pelaksanaannya hendaklah berteraskan kepada model perniagaan yang komprehensif.

(c) Program mestilah dilaksanakan sebagai satu entiti perniagaan dengan memberi penekanan kepada branding (penjenamaan), pembungkusan, pemasaran, kualiti produk, harga yang kompetitif dan pematuhan piawai pasaran.

Hadirin sekalian,

14. Pada hari ini, selain pembangunan kraf tangan ini, FELDA juga telah berjaya mendokumentasikan dan menerbitkan buku "Modern Malaysian: A Tribute To FELDA's Crafts People". Buku ini merupakan dokumentasi awal yang komprehensif mengenai produk kraf yang dihasilkan oleh warga peneroka. Keupayaan dan kebolehan menghasilkan produk kraf ini mencerminkan kecekalan, kesungguhan, ketelitian dan kemahiran warga peneroka FELDA.

15. Dengan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan ini merasmikan Galeri Kraf Modern Malaysian FELDA dan melancarkan buku Modern Malaysian: A Tribute To FELDA's Crafts People.

Terima Kasih.